

**SOALAN NO. 54**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI DR. JAMALUDDIN BIN MOHD JARJIS  
[ ROMPIN ]**

**TARIKH : 23 MAC 2015 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Dato' Sri Dr. Jamaluddin Bin Mohd Jarjis [ Rompin ] minta MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
menyatakan:-**

- (a) usaha-usaha yang diambil oleh pihak Kementerian untuk membuka peluang-peluang baru bagi ibu-ibu tunggal dalam menjana ekonomi mereka demi masa depan keluarga; dan

(b) bagaimana Kementerian boleh memastikan pengusaha-pengusaha daripada golongan ibu tunggal yang mampan dan berdaya maju mengembangkan industri-industri yang mereka ceburi bagi meningkatkan ekonomi mereka.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

- a) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) melatih wanita termasuk ibu tunggal melalui Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal ( I-KIT ) dan Inkubator Keusahawanan Wanita (I-KeuNita) untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan terutama dalam bidang keusahawanan dan perniagaan. Secara khususnya, I-KIT dan I-KeuNita memberi tumpuan latihan kemahiran dalam bidang jahitan, terapi kecantikan, penghasilan kraf tangan, pengasuhan kanak-kanak, pelancongan, dan pemprosesan makanan. Walau bagaimanapun, mulai tahun 2014, JPW telah menyediakan bidang-bidang kemahiran baharu kepada peserta seperti:
- (i) kursus fotografi;
  - (ii) penanaman cili di Kelantan (kerjasama dengan Lembaga Pertubuhan Peladang untuk membekalkan cili segar kepada Nestle Sdn Bhd); dan

(iii) pengeluaran madu kelulut di kawasan kediaman  
(Tuaran, Sabah)

b) Bagi memastikan pengusaha-pengusaha daripada golongan ibu tunggal yang mampan dan berdaya maju dapat mengembangkan industri-industri yang mereka ceburi bagi meningkatkan ekonomi mereka, Kementerian ini melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah memperkenalkan pendekatan berikut:

i. Bekerjasama dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia untuk mengiktiraf pengalaman dan kemahiran yang dimiliki oleh peserta yang pernah dilatih oleh JPW ditauliahkan dengan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 atau Tahap 3 mengikut kemahiran. Dengan memiliki SKM ini, peserta dibimbing untuk menubuhkan perniagaan *enterprise* dan menjadi tenaga pengajar di dalam program-program yang dianjurkan oleh JPW atau anjuran NGO atau Kelas Bimbingan yang dianjurkan sendiri oleh peserta di peringkat komuniti masing-masing. Sijil ini juga boleh membantu

peserta untuk mendapatkan pekerjaan dalam bidang yang telah diiktiraf oleh JPK.

- ii. Selain itu, menggalakkan peserta yang telah tamat latihan kemahiran untuk menubuhkan koperasi seperti Koperasi Ibu Bestari Melaka Berhad yang ditubuhkan oleh peserta-peserta I-KIT Melaka pada tahun 2009.
- iii. Peserta-peserta yang telah dilatih di bawah bidang jahitan di Selangor, contohnya dibantu oleh *Women of Jannah*, syarikat berjenama tudung untuk menjahit tudung dan dipasarkan kepada syarikat tersebut.
- iv. Kementerian akan bekerjasama dengan *Malaysian Biotechnology Corporation* (BiotechCorp) untuk Program BioShoppe di mana wanita-wanita termasuk ibu tunggal yang berminat dan memenuhi kriteria yang ditetapkan akan dilantik sebagai *distributor* produk-produk yang dijual di bawah Bioshoppe tersebut.

- v. Di samping itu, bagi peserta yang telah memulakan perniagaan dan ingin mendapatkan bantuan kewangan untuk mengembangkan perniagaan mereka, Kementerian akan menyalurkan peserta tersebut ke Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), TEKUN Nasional dan MARA.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD  
(SHAH ALAM)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 23.03.2015**

**Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD [ SHAH ALAM ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa pihak Kerajaan tidak membenarkan pihak Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) untuk memanggil 1MDB atas kedudukan kewangan mereka atau diaudit oleh badan bebas yang berwibawa atau dilakukan audit oleh Jabatan Audit Negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan melalui pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 4 Mac 2015 telah bersetuju Ketua Audit Negara untuk menjalankan kerja-kerja pengauditan ke atas penyata akaun 1MDB. 1MDB juga telah menyatakan komitmen dan kerjasama sepenuhnya terhadap pengauditan berkenaan. Bagi menjamin ketelusan proses ini, hasil pengauditan akan dipanjangkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) untuk makluman dan tindakan PAC selanjutnya.